

Kebudayaan Islam

Pengajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam di Great Britain

Ahli-ahli pengetahuan Inggeris, tidaklah mereka mengambil berat terhadap kebudayaan Islam kerana semata-mata ia kebudayaan Islam, bahkan kerana dunia Barat telah mulai sedar dengan beransur-ansur, pada zaman kebangkitan ilmu pengetahuan dan zaman-zaman yang mengiringinya. Mereka sedar bahawa kebudayaan Islam ialah salah satu kebudayaan dunia yang besar, dan kerana itu layaklah ia dipelajari dan diselidiki . . .”

kata Tuan J.F.P Hopkins, pensyarah bahasa Arab di Kolej Pengajian Bahasa-bahasa Timur,

di Universiti London, dalam risalahnya yang bertajuk: *“Orang-orang di Great Britain Makin Bertambah Mempelajari*

Bahasa Arab.” Tulisannya yang berharga itu kita sajikan di bawah ini dengan sepenuhnya – Pengarang Qalam.



Tuan Hopkins, penulis makalah ini, sedang mengajar bahasa Arab di Kolej Bahasa-bahasa Timur, di Universiti London.

Pengajian bahasa Arab dan tamadun Islam mempunyai sejarah yang lanjut dan mendalam di Great Britain. Sejumlah besar daripada ahli-ahli pengetahuan dalam zaman pertengahan, yang telah menterjemahkan kitab-kitab Arab ke bahasa Latin ialah orang-orang Inggeris. Dengan khidmat mereka yang tersebut, mereka telah memelihara ilmu pengetahuan Yunani (Greek tua) berkekalan hidup dan berkembang, dan juga telah mengenalkan ilmu pengetahuan Arab kepada Eropah.

“Adelard of Bath” telah mengenalkan kepada Eropah pada kurun yang ke-12 akan buku *“Anasir”* karangan Euclides (ahli hisab Yunani yang masyhur), setelah diterjemahkan karangannya dari bahasa Arab, demikian juga kitab-kitab ilmu falak karangan ahli pengetahuan Arab Andalus: Musalmah al-Majrīfī. Dalam tahun 1143, ahli pengetahuan Inggeris, “Robert of Chester”,

bersama-sama dengan seorang rakannya, telah menyempurnakan terjemah yang awal pertama bagi kitab suci *al-Qur'an al-Karim* ke dalam bahasa Latin. Sebagaimana "Michael Scott", yang telah meninggal pada kira-kira tahun 1236, telah menterjemahkan beberapa buah kitab dan karangan dari bahasa Arab, termasuk di antaranya kitab "*al-Hay'ah*" (ilmu falak) karangan al-Batrūjī.

Ahli-ahli pengetahuan Inggeris, tidaklah mereka mengambil berat terhadap kebudayaan Islam kerana semata-mata ia kebudayaan Islam, bahkan kerana dunia Barat telah



Charles Duty, pengarang buku "Pengembaraan di Padang Sahara Semenanjung Arab". Hidup di antara tahun 1843 dengan tahun 1926. Bukunya itu telah diterbitkannya dalam tahun 1888. Gambarnya yang tertera di atas dapat dilihat pada kulit belakang buku itu.

mulai sedar dengan beransur-ansur, pada zaman kebangkitan ilmu pengetahuan dan zaman-zaman yang mengiringinya. Mereka sedar bahawa kebudayaan Islam ialah salah satu kebudayaan dunia yang besar, dan kerana itu layaklah ia dipelajari dan diselidiki, disebabkan ia mempunyai nilai yang besar pada zat dan keadaannya.

Pada kira-kira tahun 1630, Ketua Paderi: "Lord", telah mengasaskan di Universiti Oxford sebuah kerusi untuk pengajian Arab, yang masih menyandang namanya. Dalam tahun 1718, Profesor "Simon Oakley", Mahaguru bahasa Arab di Universiti Cambridge, telah selesai menerbitkan bukunya "*Sejarah Bangsa Arab*", iaitu suatu hasil yang amat berharga, dipandang kepada alat-alat kemudahan (bahan-bahan) yang ada untuk digunakan oleh pengarangnya. Dalam tahun 1723 pula, "John Gagnier" telah mengucap di Oxford akan riwayat Nabi Muhammad dalam bahasa Arab, karangan "Abū al-Fidā", bersama-sama dengan terjemah Latinnya dan beberapa ulasan dan penjelasan. Pendeknya bolehlah dikatakan, bahawa semenjak zaman inilah, pengajian bersungguh-sungguh mengenai asal usul dan umbi pengajaran Islam telah mulai di Eropah.

Terjemahan *al-Qur'an al-Karim*

Dalam tahun 1734, Seal, telah menerbitkan terjemahannya bagi kitab suci *al-Qur'an al-Karim* dalam bahasa Inggeris, bersama-sama dengan penjelasan-penjelasan yang berharga yang berpuncakan huraian kitab-kitab tafsir yang telah disusun oleh alim ulama Islam yang kenamaan seperti al-Baydāwī dan al-Suyūfī. Hingga hari ini belum ada siapa-siapa yang dapat mengadakan terjemahan Quran yang lebih baik daripadanya.



Edward Fitzgerald (1833-1809) penyair

Inggeris yang masyhur, yang telah menterjemahkan “Rubā‘iyyāt al-Khayyām”.

Semenjak zaman itu dan hingga hari ini, pengajian bahasa dan kebudayaan Arab telah mendapat sambutan di Great Britain. Dalam hal ini, orang akan mengingati nama “Lings” ahli asal usul bahasa-bahasa, dan “Reid” penyelidik dan ahli nahu yang terkemuka, dan juga Vivian, Loyal, Nicholson dan banyak lagi yang tidak dapat disebutkan di sini.

Adapun di luar kawasan akademi, maka usaha menyelidik di Semenanjung Arab, sebahagian besarnya telah dilakukan oleh pengembara-pengembara dari Great Britain. Dalam kurun yang kesembilan belas, Barton, Filgrave dan Duty telah mengembara dengan mengambil masa yang lama

di Semenanjung Arab. Buku “*Pengembaraan di Padang Sahara Arab*” karangan “Duty” telah lama terkenal sebagai sebuah buku persuratan klasik yang bermutu tinggi, selain daripada nilainya sebagai sebuah karangan ilmiah. Sesudah itu “Bertram Thomas” telah memberi sumbangan yang berharga pada mengenalkan daerah tenggara Semenanjung Arab kepada Eropah.

Pada masa ini pengajian bahasa Arab dan kebudayaan Islam sedang berjalan di sekolah-sekolah tinggi di Great Britain. Pada tiap-tiap universiti: Oxford, Cambridge, Edinburgh, Glasgow, Manchester, Durham, dan lain-lainnya, disediakan tempat-tempat pengajian bahasa Arab dan kebudayaan Islam. Universiti London ialah universiti yang baharu



Edward Pococke, Pensyarah bahasa Arab

di Univerisiti Oxford, dalam tahun 1797.

di antara universiti-universiti yang lain, yang telah menjalankan pengajian bahasa Arab dan segala yang bersangkutan dengannya, tetapi semenjak tahun 1917, universiti ini telah mendirikan sebuah kolej khas, iaitu kolej yang tunggal yang dikhaskan untuk pengajian perkara-perkara Timur dan Afrika sahaja. Seyogianya juga disebut bahawa bilangan pelajar-pelajar bahasa Arab dalam kolej ini adalah menyamai bilangan seluruh pelajar-pelajar dalam tempat pengajian-pengajian yang lain di sini.

Tuntutan yang Berbagai-bagai

Kolej ini membukakan pintunya bagi pelajar-pelajar bahasa Arab yang terdiri daripada berbagai-bagai bangsa dan puak, yang berlain-lain dan luas pula kehendak dan tuntutan mereka. Di antara mereka: ahli-ahli perusahaan, jurutera-jurutera, dan ahli-ahli ilmu lapisan bumi, yang mendapati diri mereka terpaksa – disebabkan pelajaran dan jawatan – berangkat mengembara di Timur Tengah. Oleh itu pengetahuan bahasa Arab yang mereka pelajari, memberi peluang kepada mereka untuk menjalankan tugas-tugas mereka dengan mudahnya. Begitu juga halnya pegawai-pegawai pentadbir di setengah-setengah daerah Afrika mendapati bahasa Arab menjadi pembantu mereka, dan kerana itu dua atau tiga orang dari antara mereka akan menuntut di dalam kolej ini pada tiap-tiap tahun. Selain daripada itu, pelajar-pelajar bahasa Turki dan bahasa Parsi serta lain-lain bahasa-bahasa, yang dituturkan oleh penduduk negeri-negeri Islam, adalah memandang bahawa mempelajari bahasa Arab ialah suatu perkara yang sangat-sangat mustahak bagi mereka, supaya mereka dapat mengikuti dengan betul akan pelajaran-pelajaran mereka dalam berbagai-bagai lapangan.



Edward Palmer (1882-1840), Pensyarah bahasa Arab di Universiti Cambridge.

Dalam hal-hal yang seperti ini, bahasa Arab merupakan mauduk yang kedua, tetapi tak dapat disangkal bahawa bahasa Arab dan kebudayaan yang terdiri di atasnya adalah merupakan mauduk yang pertama dan utama bagi sebilangan besar pelajar-pelajar itu. Pada umumnya kebanyakan pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran mereka di kolej ini kerana hendak memperoleh *degree* universiti dalam bahasa Arab, atau kerana hendak memperoleh diploma kolej itu, ataupun kerana mereka pelajar-pelajar sejarah yang melanjutkan pelajaran mereka dalam sejarah Timur Tengah. Kerap kali juga kedapatan di dalam kolej ini pelajar-pelajar yang berkelulusan universiti yang pernah lulus

dari lain universiti lalu mereka datang menuntut di sini mengambil pelajaran-pelajaran khas yang membolehkan mereka mendapat *degree* universiti yang lebih tinggi demikian juga ada pula pelajar-pelajar yang lain, di sini, yang tidak mengikuti pelajaran yang tetap dan teratur.

Kementerian Luar British sangat-sangat mengambil berat terhadap pengajian bahasa Arab, dan kerana itu ia mendirikan di Lubnan suatu pusat pengajian yang dinamakan “Pusat Pengajian Bahasa Arab di Timur Tengah”. Pada tiap-tiap tahun, kementerian ini, menghantarkan kira-kira dua puluh orang dari pegawainya-pegawainya untuk menghabiskan masa setahun genap di pusat ini kerana mempelajari bahasa Arab. Dalam pada itu, mereka dikehendaki menghabiskan sepuluh minggu yang pertama dari tahun yang tersebut di Kolej Pengajian Perkara-perkara Timur dan Afrika di London, bagi menamatkan pelajaran permulaan dalam bahasa Arab.

Dari Segala Pelusuk Dunia

Kolej Bahasa-bahasa Timur dan Afrika ini didatangi oleh pelajar-pelajar dari segala pelusuk dunia termasuk negeri-negeri Arab sendiri. Kemasyhurannya yang istimewa itu telah menarik pelajar-pelajar dari Kaherah dan Baghdad untuk melanjutkan pengajian mereka dengan menyediakan

hasil penyelidikan yang membolehkan mereka mencapai di negeri-negeri yang tinggi dalam bahasa Arab . Biasa juga pelajar-pelajar dari negeri-negeri Arab datang ke situ untuk mencapai *degree* permulaan.

Sesungguhnya *degree* “Bachelor of Art” dalam bahasa Arab, sudah lama menjadi idaman kerana runtunan dan daya penariknya yang kuat itu. Ini memang perkara tabii (semula jadi), kerana zaman keemasan yang cemerlang bagi tamadun Islam yang gilang gemilang, telah tiba di kemuncaknya sejak lebih daripada seribu seratus tahun yang lalu.

Kitab-kitab yang dipelajari dengan sepenuhnya atau sebahagiannya – di kolej ini – adalah meliputi *al-Qur’an al-Karīm* bersama-sama dengan *Tafsīr al-Baydāwī*, *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, *Maqāmāt Badī’ al-Zamān*, *al-Ḥamāsah* (syair-syair pilihan) susunan Abī Tamām, dan lain-lainnya. Ini selain daripada terjemah-menterjemah, karang-mengarang, tawarikh, dan mauduk yang lain. Diploma kolej ini lebih banyak kecenderungannya kepada pembaharuan. Jadual pelajaran yang dikehendaki supaya disempurnakan oleh pelajar-pelajar yang hendak mendapat diploma ini adalah berasaskan buku-buku karangan Taha Hussein, Muhammad Abduh dan lain-lainnya dari kalangan penulis-penulis dan pengarang-pengarang zaman ini.

14 Ribu Pound Harga Sebuah Buku

Baharu-baharu ini, Tuan John Fleming (American), telah membayar 14 ribu pound sterling London, sebagai harga sebuah¹ buku bernama “*Cermin Dunia*”, karangan “Vincent de Beauvais” yang telah diterbitkan oleh William Caxton dalam tahun 1481.

Inilah buku Inggeris, yang awal pertama memakai gambar-gambar lukisan, dan diterbitkan di England.

Tuan Fleming juga telah membayar 4 ribu pound sebagai harga bagi dua jilid (cetakan yang pertama) dari buku yang bernama “*Raja Perempuan Jane*”, karangan Edmund Spenser, yang telah dicetak di antara tahun 1590 dan 1596.

¹ Kesalahan ejaan teks asal. Perkataan sebenar ‘sebuah’.

² Buku *Myrrour of the Worlde* (1491).

Tujuh orang mahaguru, di antaranya dua mahaguru bangsa Arab, yang menghabiskan sepenuh-penuh masa mereka untuk mengajarkan bahasa Arab dan kesusasteraannya. Ini selain daripada sebilangan yang lain dari mahaguru-mahaguru dalam lapangan tawarikh dan seorang mahaguru lagi dalam lapangan, ilmu suara dan bahasa-bahasa. Kolej ini juga mempunyai sebuah kutubkhanah yang masyhur, yang mengandungi buku-buku beribu-beribu jilid dalam bahasa Arab, dan segala buku-buku yang telah dikarang orang mengenai perkara-perkara Islam, hampir-hampir dalam segala bahasa-bahasa dunia. Selain daripada itu, kutubkhanah kebangsaan yang terletak dalam “Sekolah Gambar British” yang mengandungi sejumlah besar kitab-kitab Arab yang masih bertulisan tangan, adalah

terbuka pintunya kepada sekalian pelajar-pelajar itu.

Pengajian bahasa Arab dan tamadun Islam di Great Britain pada masa ini sangatlah kembang dan subur. Pandangan orang ramai mulai mengambil suatu kesimpulan yang nyata, iaitu: bahawa seseorang pegawai yang bekerja di sebuah negeri seberang laut, wajiblah dia mempunyai pengetahuan dalam bahasa dan kebudayaan negeri itu, dan bahawa pengajian bahasa Arab dan perkara-perkara Timur itu memang dapat memberi sumbangan yang berkesan pada mewujudkan pendidikan yang bebas dan berguna, selain daripada sifatnya sebagai suatu mauduk ilmiah yang dipelajari untuk mencapai darjah keahlian dan *degree*.

Bacalah riwayat hidup:

Abū Bakr al-Ṣiddīq

Khalifah yang Pertama di dalam Islam

Apabila tersebut sahabat-sahabat Nabi maka tersebutlah di barisan hadapan sekali nama Saiydina Abū Bakr al-Ṣiddīq *radiya Allāhu ‘anhu*, sahabat dan khalifah Rasulullah yang ulung yang telah mengorbankan harta dan tenaganya kerana Islam dan umat Islam.

Riwayat hidupnya menambahkan ghairah dan keinsafan, dan menggalakkan tiap-tiap seorang yang berjiwa Islam berpegang teguh kepada agamanya dan berjuang meninggikan syiarnya, selagi hayat dikandung badan!

Disusun oleh Abdullah Basmeh dalam dua penggal. Cetakannya yang pertama telah habis dan sekarang penggal pertama telah dicetak semula dan sedang diedarkan. Harga sepenggal \$1.20 dan belanja mengirimmnya 10 sen.

Pesanlah kepada penerbitnya:

Qalam, Singapura